KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH

Unique Parcel Identifier (UPI)

KEDAH



Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH
(*UNIQUE PARCEL IDENTIFIER – UPI*)

Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)
2011

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada :

Urus setia
Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

Cetakan Pertama 2011

Diterbit dan dicetak di Malaysia oleh
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar
Tingkat 7 & 8, Wisma Sumber Asli
No. 25 Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya
Tel : 603-8886 1111
Fax : 603-8889 4851
www.mygeoportal.gov.my

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Tujuan	1
2.0 Latar Belakang	
2.1 Pengenalan	1
2.2 Langkah Awal Penyelarasan	1
2.3 Rasional Penyelarasan Kod UPI	2
2.4 Faedah Penyelarasan Kod UPI	2
2.5 Kaedah Penyelarasan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah	3
3.0 Penerangan Mengenai Struktur Kod UPI di Semenanjung Malaysia	7
4.0 Pembangunan Aplikasi UPI	
4.1 Modul-modul Aplikasi UPI	10
4.2 Kaedah untuk Melayari Aplikasi UPI	12
5.0 Penutup	18
• Lampiran : Senarai Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah bagi Negeri Kedah	
○ Peta Malaysia - Negeri Kedah	20
○ Peta Negeri Kedah – Daerah-daerah	21
○ Daerah Kota Setar	23
○ Daerah Kubang Pasu	34
○ Daerah Padang Terap	40
○ Daerah Langkawi	43
○ Daerah Kuala Muda	48
○ Daerah Yan	65
○ Daerah Sik	69
○ Daerah Baling	71
○ Daerah Kulim	77
○ Daerah Bandar Baharu	87
○ Daerah Pendang	92
○ Daerah Pokok Sena	95
Glosari	

1.0 TUJUAN

Dokumen ini diterbitkan sebagai sumber rujukan kepada agensi dalam menentukan senarai Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah yang seragam bagi semua negeri di Malaysia. Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah adalah satu pengecaman yang unik bagi lot (petak) tanah atau lebih dikenali sebagai *Unique Parcel Identifier* (UPI) yang digunakan untuk menentukan lokasi secara fizikal lot-lot tanah di Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 PENGENALAN

i) Kemajuan pesat bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi serta peningkatan pelaksanaan program perkomputeran di agensi-agensi sektor awam telah mewujudkan keperluan untuk berkongsi maklumat dan mengintegrasi sistem-sistem di kalangan agensi kerajaan. Perkara ini sukar dilakukan disebabkan tiada satu definisi dan format data yang standard yang boleh diguna pakai oleh semua agensi. Antara masalah yang dihadapi dalam perkongsian maklumat geospatial adalah mengenai kod UPI yang tidak selaras antara agensi.

ii) Sehubungan itu, kod UPI digunakan sebagai satu cara pengecaman yang unik bagi lot-lot tanah yang diberimilik (dilupuskan) oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pada masa kini, penyelarasan ini hanya melibatkan struktur kod bagi tanah yang telah diukur halus (*Final Title* – FT).

iii) Dokumen ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai kepentingan penyelarasan kod UPI bagi keseragaman pemakaian oleh agensi-agensi pembekal data. Ia meliputi kaedah penyelarasan yang dijalankan bagi menghasilkan senarai kod UPI bagi setiap negeri.

iv) Senarai kod UPI yang telah diselaraskan ini sewajarnya diguna pakai antara agensi bagi memudahkan perkongsian maklumat geospatial serta mempercepatkan urusan transaksi harian.

2.2 LANGKAH AWAL PENYELARASAN KOD UPI

Pada tahun 1997, Sekretariat *National Land Information System* (NaLIS) telah mengemukakan draf penyeragaman kod UPI berasaskan pembekal-pembekal utama data geospatial iaitu Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Selanjutnya pada tahun 1998 buku NaLISCO telah diedarkan kepada semua Agensi Pembekal Data (APD). Berdasarkan maklum balas daripada pihak JUPEM dan PTG didapati terdapat perbezaan kod UPI yang ketara di beberapa buah negeri.

Susulan daripada penubuhan Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) pada tahun 2002, Jawatankuasa NaLIS yang ditugaskan untuk menyelaraskan kod UPI telah diambil alih oleh Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM).

2.3 RASIONAL PENYELARASAN KOD UPI

Rasional penyelarasan kod UPI antaranya adalah seperti berikut :

i) Maklumat spatial dan tekstual mengenai petak tanah yang diperolehi daripada pelbagai sumber antaranya Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) di JUPEM sekarang dikenali sebagai Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan / *National Digital Cadastral Data Base* (NDCDB) dan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di PTG adalah tidak seragam. Ini mengakibatkan maklumat petak tanah yang diperolehi oleh pengguna secara dalam talian (*online*) sukar diakses dan dianalisis kerana data-data berkenaan menggunakan kod dan nama sempadan pentadbiran tanah yang berbeza.

ii) Memudahkan perkongsian maklumat geospatial dalam pelbagai urusan transaksi petak tanah antaranya permohonan tukar syarat, pecah sempadan, pemberimilikan, pembelian hartanah dan lain-lain.

iii) Membantu pihak agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang akan bertindak sebagai pusat sehenti *(one stop centre)* untuk mewujudkan keadaan *fast track* bagi membuat keputusan berkaitan urusan-urusan transaksi tanah yang melibatkan pelbagai agensi.

iv) Penyeragaman kod UPI adalah selaras dengan pelaksanaan projek e-Tanah yang merupakan satu sistem transaksi bagi memudahkan urusan carian hakmilik dan mempercepatkan pembayaran cukai secara dalam talian.

v) Menyelaras ejaan nama bagi negeri, daerah/jajahan dan mukim/bandar/pekan dan seksyen/presint. Pengesahan ejaan nama merupakan tanggungjawab pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Penggunaan ejaan nama yang seragam amat penting dalam memberikan nama kepada sesuatu tempat supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pengguna.

2.4 FAEDAH PENYELARASAN KOD UPI

Secara keseluruhannya pelaksanaan penggunaan kod UPI ini akan memberikan faedah-faedah seperti berikut :

i) Memudahkan pelaksanaan dan pengintegrasian sistem-sistem aplikasi di dalam dan antara agensi;

ii) Memudahkan perkongsian maklumat geospatial;

iii) Membantu agensi-agensi dalam pembangunan sistem aplikasi; dan

iv) Menyediakan panduan untuk melaksanakan dokumentasi yang seragam di semua agensi. Secara umumnya kod UPI ini membantu Agensi Pembekal Data mempunyai satu standard yang akan memudahkan sistem integrasi dan operasi antara agensi.

2.5 KAEDAH PENYELARASAN KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH

Kaedah penyelarasan ini dibahagikan kepada dua (2) jenis iaitu :

i. Penyelarasan kod sempadan pentadbiran tanah
ii. Penyelarasan nama sempadan pentadbiran tanah

2.5.1 Penyelarasan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah

Penyelarasan yang dilaksanakan ini adalah meliputi struktur kod bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Penyelarasan ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah yang timbul dalam perkongsian maklumat geospatial antara agensi.

i) Struktur Kod Sempadan Pentadbiran Tanah

Struktur Kod Sempadan Pentadbiran Tanah bagi hakmilik tanah yang telah diukur halus (*Final Title* - FT) adalah seperti berikut :

Sempadan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	WP. Labuan
Negeri	**2 aksara - char** *(angka sahaja)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)*
Bahagian/Daerah /Jajahan	**2 aksara - char** *(angka sahaja)* *(Daerah/Jajahan)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)* *(Daerah)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)* *(Bahagian)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)*
Mukim/Bandar/ Pekan/ Pulau/Kampung/ *Land District*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)* *(Mukim/Bandar/Pekan)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)*	**3 aksara - char** *(angka sahaja)* *(Land District)*	**2 aksara - char** *(angka sahaja)* *(Bandar/Kampung/Pulau)*
Seksyen/Presint	**3 aksara - char** *(angka/abjad)*	**3 aksara - char** *(angka/abjad)*	**3 aksara - char** *(angka/abjad)*	**3 aksara - char** *(angka/abjad)*
Lot	**7 aksara - char** *(angka sahaja)*	**9 aksara - char** *(angka sahaja)*	**5 aksara - char** *(angka sahaja)*	**9 aksara - char** *(angka sahaja)*
Jumlah	**16 aksara**	**18 aksara**	**15 aksara**	**18 aksara**

Jadual 1 : Struktur Kod Sempadan Pentadbiran Tanah

Struktur kod sempadan pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia terdiri daripada lima (5) peringkat seperti di Rajah 1.



Rajah 1 : Struktur Kod Sempadan Pentadbiran Tanah

ii) Kod Sempadan Pentadbiran Tanah

Penyelarasan kod sempadan pentadbiran tanah dihasilkan dengan membandingkan kod yang diguna pakai oleh pihak JUPEM dan PTG di setiap negeri.

a) Asas Pewujudan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah oleh PTG

Pewujudan kod sempadan pentadbiran tanah adalah berdasarkan kepada nombor Suratan Hakmilik (Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer - SPTB) dan Kod Sistem Hasil (Sistem Pendaftaran Hasil Tanah - SPHT).

Ketika ini Suratan Hakmilik yang menggunakan SPTB mempunyai banyak persamaan dengan struktur kod JUPEM. Namun terdapat perbezaan ketara dari segi penggunaan kod dan nama sempadan pentadbiran tanah bagi PTG negeri yang masih menggunakan kod SPHT.

b) Asas Pewujudan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah oleh JUPEM

Pewujudan Kod Sempadan Pentadbiran Tanah yang diamalkan di JUPEM adalah berdasarkan kepada Peraturan Ukur yang telah diterbitkan pada tahun 1976, sekarang dikenali sebagai Peraturan Ukur 2000.

2.5.2 Penyelarasan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah

Penyelarasan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah disahkan secara bersama dengan pihak SUK negeri melalui semakan kepada Warta Kerajaan Negeri dan Pelan Warta. Sekiranya tiada dokumen sokongan maka penggunaan nama semasa dijadikan asas dalam penyelarasan ini.

i) Warta Kerajaan Negeri

Di bawah Seksyen 11, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) menerbitkan Warta Kerajaan Negeri yang menjelaskan pembahagian sempadan bagi negeri, daerah dan mukim/bandar/pekan bagi sesebuah negeri di Semenanjung Malaysia.

Cabutan Seksyen 11, KTN adalah seperti berikut ;

> *Kawasan Pentadbiran :*
>
> *Pihak Berkuasa Negeri bolehlah melalui pemberitahuan Warta ;*
>
> *a) Membahagikan kawasan negeri kepada daerah-daerah;*
>
> *b) Membahagikan mana-mana daerah atau daerah kecil;*
>
> *c) Membahagikan mana-mana daerah atau daerah kecil kepada mukim;*
>
> *ca) Mengubah atau meminda sempadan mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar atau pekan;*
>
> *d) Selepas pengukuran atau penentuannya oleh atau bagi pihak Pengarah Ukur, menetapkan mana-mana kawasan negeri sebagai bandar atau pekan.*

ii) Pelan Warta

Pelan Warta merupakan pelan rujukan bagi mengesahkan sempadan pentadbiran tanah bagi sempadan negeri, daerah/jajahan, mukim/bandar/pekan dan seksyen/presint. Ia disediakan oleh pihak JUPEM berdasarkan nama-nama sempadan pentadbiran tanah yang terdapat di dalam Warta Kerajaan yang telah disahkan oleh pihak SUK negeri berkenaan dan ia juga dikenali sebagai Pelan Gazet (PG)/Gazette Plan (GP) dan Pelan Pelbagai (PP).

iii) Penggunaan Nama Semasa

Nama sempadan pentadbiran tanah yang belum diwartakan, ia hendaklah menggunakan nama semasa yang sedang diguna pakai oleh pihak SUK, JUPEM dan PTG dan seterusnya perlu diambil tindakan pewartaan.

iv) Sempadan Pentadbiran (maklumat spatial)

Maklumat spatial bagi setiap sempadan tanah dapat ditunjukkan dalam bentuk poligon. Setiap sempadan (poligon) mempunyai nama tersendiri yang disimpan dalam Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB), JUPEM. Ia terdiri daripada sempadan negeri, daerah/jajahan, mukim/bandar/pekan dan seksyen/presint untuk rujukan pengguna mengenal pasti lokasi serta sempadan sebenar. Maklumat ini boleh di akses melalui laman web www.mygeoportal.gov.my bagi membolehkan pengguna mendapatkan paparan grafik dan juga maklumat atribut.

3.0 PENERANGAN MENGENAI STRUKTUR KOD UPI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

i) Digit pertama dan kedua (Negeri)

- Digit pertama dan kedua menerangkan kod negeri

ii) Digit ketiga dan keempat (Daerah/Jajahan)

- Digit ketiga dan keempat menerangkan kod daerah
- Bagi negeri Kelantan, ia menggunakan kod jajahan

iii) Digit kelima dan keenam (Mukim/Bandar/Pekan)

- Digit kelima dan keenam menerangkan kod mukim/bandar/pekan mengikut mana yang berkaitan

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai kod mukim/bandar/pekan, maka ruangan ini akan direkod sebagai 00 sahaja.

iv) Digit ketujuh, kelapan dan kesembilan (Seksyen/Presint)

- Digit ketujuh, kelapan dan kesembilan menerangkan kod seksyen
- Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya ia menggunakan kod presint

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai kod seksyen/presint maka ruangan ini akan direkod sebagai 000 sahaja.

v) Digit kesepuluh, kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas, kelima belas dan keenam belas (Nombor Lot)

- Digit kesepuluh, kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas, kelima belas dan keenam belas menerangkan nombor lot tanah. Lot-lot tanah yang mempunyai nombor kurang dari 7 digit ditambah dengan angka-angka kosong di hadapan untuk melengkapkan 7 digit. Walau bagaimanapun, penambahan angka-angka kosong ini hanya dapat dilihat dalam pangkalan data sahaja, apabila Pelan Akui dikeluarkan hanya nombor lot sebenar akan dicetak.

CONTOH PENGECAMAN LOT TANAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA MENGGUNAKAN KOD UPI

i) NEGERI KEDAH_ DAERAH KOTA SETAR_ MUKIM ANAK BUKIT _TIADA SEKSYEN_LOT 1234

Struktur Kod UPI	0201030000001234	
Penerangan	Kod	Sempadan
	02	lot tanah terletak di Negeri Kedah
	01	Daerah Kota Setar
	03	Mukim Anak Bukit
	000	tiada sempadan seksyen
	0001234	nombor lot tanah

ii) NEGERI KEDAH_ DAERAH KUBANG PASU_BANDAR JITRA_SEKSYEN 1_ LOT 456

Struktur Kod UPI	0202410010000456	
Penerangan	KOD	SEMPADAN
	02	lot tanah terletak di Negeri Kedah
	02	Daerah Kubang Pasu
	41	Bandar Jitra
	001	Seksyen 1
	0000456	nombor lot tanah

iii) NEGERI KEDAH_ DAERAH LANGKAWI_BANDAR KUAH_SEKSYEN 2_ LOT 11221

Struktur Kod UPI	0204400020011221	
Penerangan	KOD	SEMPADAN
	02	lot tanah terletak di Negeri Kedah
	04	Daerah Langkawi
	40	Bandar Kuah
	002	Seksyen 2
	0011221	nombor lot tanah

iv) NEGERI KEDAH_ DAERAH YAN_BANDAR YAN_SEKSYEN 6_LOT 5151

Struktur Kod UPI	0206410060005151	
Penerangan	KOD	SEMPADAN
	02	lot tanah terletak di Negeri Kedah
	06	Daerah Yan
	41	Bandar Yan
	006	Seksyen 6
	0005151	nombor lot tanah

v) NEGERI KEDAH_ DAERAH BALING_ PEKAN KAMPUNG BARU KEJAI _ SEKSYEN 14_LOT 321

Struktur Kod UPI	0208720140000321	
Penerangan	KOD	SEMPADAN
	02	lot tanah terletak di Negeri Kedah
	08	Daerah Baling
	72	Pekan Kampung Baru Kejai
	014	Seksyen 14
	0000321	nombor lot tanah

4.0 PEMBANGUNAN APLIKASI UPI

Senarai kod UPI ini telah dimasukkan dalam laman web www.mygeoportal.gov.my. Untuk melengkapkan maklumat selain daripada senarai kod dan ejaan nama sempadan pentadbiran tanah, terdapat juga data spatial yang menunjukkan sempadan negeri, daerah/jajahan, mukim/bandar/pekan dan seksyen/presint. Sumber data spatial diperolehi daripada Pangkalan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB), JUPEM.

Pembangunan Aplikasi UPI ini adalah berasaskan teknologi *Geographical Information System* (GIS). Aplikasi ini membenarkan maklumat UPI dicapai dengan mudah dan secara tidak langsung akan meningkatkan penggunaan kod UPI. Pengguna boleh melayari aplikasi ini untuk mendapatkan maklumat tambahan lain yang lebih lengkap.

Pembangunan aplikasi ini menggunakan perisian seperti berikut :

i) ArcGIS Server 9.2
ii) MS SQL 2005
iii) Microsoft .Net
iv) Internet Information Service (IIS) Web Server

ArcGIS Server digunakan sebagai medium untuk memaparkan maklumat geospatial dan membangunkan fungsi-fungsi yang berkait dengan GIS. Pembangunan pangkalan data UPI menggunakan *MS SQL* 2005 yang menyimpan data-data spatial serta atribut dan diuruskan oleh *Spatial Database Engine* yang merupakan komponen *ArcGIS Server*.

4.1 Modul-Modul Aplikasi UPI

Terdapat dua (2) modul utama yang dibangunkan dalam aplikasi ini iaitu Modul Pengguna dan Modul Pentadbiran.

a) Modul Pengguna

Di bawah Modul Pengguna terdapat beberapa sub-modul iaitu:

i. Sub-modul Informasi

Merupakan sub-modul yang memaparkan maklumat berkaitan penyelarasan kod UPI mengikut negeri-negeri. Maklumat yang dipaparkan adalah :

- Kod UPI
- Dokumentasi UPI
- Maklumat Pewartaan (Warta Kerajaan, Pelan Warta/Pelan Pelbagai)
- Peta
- Minit-minit Mesyuarat

ii. Sub-modul Paparan Peta

Sub-modul ini memaparkan peta Malaysia, pengguna boleh memilih paparan bagi negeri berkenaan dan pada masa yang sama maklumat atribut atau kod-kod UPI akan dipaparkan serentak.

- Pilih Peta Negeri
  - Negeri
  - Daerah/Jajahan
  - Mukim/Bandar/Pekan
  - Seksyen/Presint

- Teks – Senarai kod (*table*)
  - Paparan Peta

iii. Sub-modul Carian

Sub-modul ini membolehkan pengguna mendapatkan maklumat UPI melalui enjin carian. Jenis-jenis carian adalah seperti :

- Carian Negeri
- Carian Daerah/Jajahan
- Carian Mukim/Bandar/Pekan
- Carian Seksyen/Presint

Berdasarkan keputusan carian, maklumat peta dan atribut akan dipaparkan.

b) Modul Pentadbiran

Modul Pentadbiran dibangunkan untuk membolehkan pentadbir mengemaskini maklumat UPI. Fungsi modul ini adalah :

i. Pengemaskinian Kod UPI
Menambah kod dan nama baru, membuang kod yang dibatalkan serta mengemaskini kod dan ejaan nama

ii. Pengemaskinian Peta menggunakan perisian *ArCGIS ArcMAP*
Menambah poligon baru sekiranya terdapat pertambahan daerah/jajahan, mukim/bandar/pekan dan seksyen/presint

iii. Memuat naik maklumat tambahan
Menambah maklumat tambahan dari semasa ke semasa. Contohnya senarai kod UPI, minit mesyuarat, maklumat pewartaan, dokumentasi, pelan dan sebagainya.

4.2 KAEDAH UNTUK MELAYARI APLIKASI UPI

Kaedah untuk melayari aplikasi UPI terbahagi kepada dua cara iaitu melalui kaedah jadual dan kaedah carian.

4.2.1 Kaedah Jadual

<u>Langkah Pertama</u> :

Sila layari laman web Malaysia Geoportal http://www.mygeoportal.gov.my. Seterusnya klik pada ikon "UPI" untuk membuat capaian ke Aplikasi UPI. Paparan seperti gambarajah 1.1 akan dipaparkan.

Gambarajah 1.1 : Paparan Aplikasi UPI

<u>Langkah Kedua</u> : Capaian Ke Aplikasi UPI

i) Gambarajah 1.2 akan memaparkan aplikasi UPI yang mengandungi jadual semua kod dan nama negeri serta paparan poligon bagi seluruh Malaysia di sebelah kanan. Untuk melihat senarai kod bagi negeri yang dikehendaki, klik pada **Nama Negeri** untuk memilih negeri. Contohnya klik **"KEDAH".**



Gambarajah 1.2 : Paparan akses ke Negeri Kedah

ii) Skrin akan memaparkan jadual kod dan nama daerah serta paparan poligon semua daerah di Negeri Kedah di sebelah kanan seperti gambarajah 1.3.

iii) Untuk mendapatkan maklumat mukim/bandar/pekan bagi sesuatu daerah, pengguna perlu memilih daerah yang dikehendaki. Klik pada **Nama Daerah**. Contohnya klik **"DAERAH KUBANG PASU".**



Gambarajah 1.3 : Paparan Daerah di Negeri Kedah

iv) Jadual kod dan nama mukim/bandar/pekan serta paparan poligon semua mukim/bandar/pekan di Negeri Kedah akan dipaparkan seperti gambarajah 1.4.

v) Untuk mendapatkan maklumat mukim/bandar/pekan bagi sesuatu daerah, pengguna perlu memilih mukim yang hendak dicapai. Klik pada **Nama Mukim**. Contohnya klik **"BANDAR JITRA"** seterusnya skrin seperti gambarajah 1.5 akan dipaparkan.



Gambarajah 1.4 : Paparan Mukim di Negeri Kedah

Gambarajah 1.5 : Paparan Seksyen di Negeri Kedah

vi) Untuk mendapatkan maklumat seksyen bagi sesuatu bandar/pekan, pengguna perlu memilih seksyen yang hendak dicapai. Klik pada **Nama Seksyen**. Contohnya klik **"SEKSYEN 1"** seterusnya skrin seperti gambarajah 1.6 akan dipaparkan.

vii) Skrin akan memaparkan jadual struktur kod bagi negeri, daerah, mukim/bandar/pekan, seksyen dan nombor lot bagi negeri yang dipilih. Jadual ini memaparkan susunan struktur kod UPI di Semenanjung Malaysia yang menggunakan 16 aksara.



Gambarajah 1.6 : Paparan struktur kod UPI

4.2.2 Kaedah Carian

Pengguna juga boleh membuat **Carian** bagi mendapatkan maklumat negeri/daerah/mukim. Pengguna perlu klik ikon **"CARIAN"** di laman utama (di sebelah kanan) seperti gambarajah 1.7.



Gambarajah 1.7 : Paparan akses kaedah Carian

Seterusnya gambarajah 1.8 akan memaparkan kaedah carian iaitu melalui “Pilihan” dan “Teks”.



Gambarajah 1.8 : Paparan pilihan carian

i) **Membuat Carian melalui ”Pilihan”**

Dalam paparan di atas, tiga (3) ruang disediakan iaitu **Negeri, Daerah** dan **Mukim.** Klik *dropdown menu* dan pilih **Negeri** yang dikehendaki. Contohnya pilih **Negeri = ”KEDAH”,** pilih **Daerah = ”KUALA MUDA”** dan pilih **Mukim = ”BANDAR GURUN”.** Gambarajah 1.9 memaparkan hasil carian seperti yang telah dipilih oleh pengguna.



Gambarajah 1.9 : Paparan hasil carian

ii) **Membuat Carian melalui "Teks"**

Pengguna juga boleh membuat carian melalui Teks dengan memasukkan nama sempadan yang dikehendaki di ruangan **Teks**. Contohnya taipkan perkataan **"KEDAH"** dan klik ikon **hantar**, seterusnya skrin seperti gambarajah 2.0 akan dipaparkan.



Gambarajah 2.0 : Paparan carian melalui teks

Gambarajah 2.1 menunjukkan semua hasil carian bagi perkataan **Kedah.** Sekiranya pengguna inginkan maklumat yang lebih terperinci bagi setiap hasil carian, pengguna perlulah klik pada ruangan **Daerah** atau **Mukim.** Contohnya klik **Mukim = "BANDAR KUALA KEDAH"** dan seterusnya paparan poligon bagi **Bandar Kuala Kedah** yang terletak di **Daerah Kota Setar** akan dipaparkan.



Gambarajah 2.1 : Paparan hasil carian teks

Aplikasi UPI ini akan memudahkan carian mengikut negeri, daerah/jajahan, mukim/bandar/pekan sehingga seksyen beserta nombor kod dan ejaan nama sempadan pentadbiran tanah yang lebih terperinci. Pengguna juga akan mendapat maklumat lengkap berkaitan kod UPI yang digunakan bagi tujuan pengecaman lot tanah yang unik bagi memudahkan sebarang analisis dijalankan.

Pengguna akan mendapat maklumat lengkap bagaimana sesuatu lot dapat dikenalpasti di atas tanah. Aplikasi UPI yang dibangunkan sekarang masih belum mempunyai data lot tanah. Hanya paparan sehingga ke peringkat seksyen sahaja ditunjukkan.

5.0 PENUTUP

Adalah diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam penggunaan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah. Justeru, buku ini disarankan untuk dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah yang komprehensif untuk diguna pakai oleh semua pihak yang berkaitan sama ada agensi kerajaan dan swasta bagi pelbagai tujuan.

GLOSARI

***Unique Parcel Identifier* - UPI**
Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah

Nombor Lot
Nombor yang diperuntukkan kepada sesuatu tanah oleh Pengarah Ukur seperti mana dikehendaki di bawah Seksyen 396(1)(d), Kanun Tanah Negara (KTN) 1965
(Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2002)

Hakmilik Kekal (Final Title – FT)
Tanah yang telah diukur halus dan keluasannya adalah muktamad
(Sumber : Koleksi Artikel – Pentadbiran dan Perundangan Tanah, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), 2009)

Tanah
a) mukabumi dan semua benda-benda yang menjadikan mukabumi itu;
b) tanahbumi di bawah mukabumi dan semua benda-benda yang terkandung di dalamnya;
c) semua tumbuh-tumbuhan dan lain-lain keluaran semulajadi, samada memerlukan penggunaan tenaga berkala terhadap pengeluarannya atau tidak, dan samada di atas atau di bawah mukabumi itu;
d) semua benda yang terlekat pada tanahbumi atau dilekatkan selama-lamanya pada apa-apa benda yang terlekat pada tanahbumi, samada di atas atau di bawah mukabumi itu; dan
e) tanah yang diliputi air.
(Sumber : Kanun Tanah Negara 1965)

Pelan Warta
Suatu pelan yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan bagi tujuan mewartakan sesuatu kawasan atau tempat sebagaimana diperlukan di bawah undang-undang bertulis dan diluluskan oleh Pengarah Ukur.
(Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2002)

Pelan Akui
Pelan berkaitan tanah yang disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan dan diluluskan oleh Pengarah Ukur, termasuklah Pelan Akui Strata dan Pelan Akui Stratum.
(Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2002)

Pelan Pelbagai
Suatu pelan selain daripada Pelan Akui, Pelan Warta, Pelan Akui Strata dan Pelan Akui Stratum yang disediakan bagi sesuatu tujuan yang tertentu dan diluluskan oleh Pengarah Ukur.
(Sumber : Peraturan Ukur Kadaster 2002)

Data Spatial
Merujuk kepada ciri-ciri lokasi atau kedudukan sesuatu objek dalam ruangan tertentu di mana kejituannya atau ketepatan perletakan objek-objek tersebut di antara satu sama lain adalah ditentukan berdasarkan kepada prosedur cerapan data di lapangan.
(Sumber : http://www.gotogis.com/kenali_gis/pangkalan_data_GIS.htm)

Lampiran

KOD DAN NAMA SEMPADAN PENTADBIRAN TANAH BAGI NEGERI KEDAH

PETA MALAYSIA
Negeri Kedah



NEGERI KEDAH
Daerah

KOD	NEGERI	WARTA	
		WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
02	KEDAH	tiada	tiada

KOD	DAERAH	WARTA	
		WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
01	KOTA SETAR	tiada	PW 603
02	KUBANG PASU	tiada	PW 311
03	PADANG TERAP	tiada	PW 312
04	LANGKAWI	tiada	PW 314
05	KUALA MUDA	tiada	PW 315
06	YAN	tiada	PW 313
07	SIK	tiada	PW 577
08	BALING	tiada	PW 576
09	KULIM	tiada	PW 318
10	BANDAR BAHARU	tiada	PW 319
11	PENDANG	tiada	PW 604
12	POKOK SENA	WK KEDAH NO 361 27.05.1993	PW 1118

PETA NEGERI KEDAH
Daerah - daerah

NEGERI KEDAH
01 - Daerah Kota Setar

KOD	DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
					WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
01	**KOTA SETAR** **PW 603** *Semua Sempadan Mukim diwartakan di bawah ; G.N.1956 (03.05.1956) yang membahagikan negeri Kedah kepada mukim-mukim seperti yang ditunjukkan di dalam peta Kedah dan Perlis 1948.*	01		MUKIM ALOR MALAI	tiada	PW 603
		03		MUKIM ANAK BUKIT	tiada	PW 603
		07		MUKIM DERGA	tiada	PW 603
		09		MUKIM GUNONG	tiada	PW 603
		12		MUKIM KANGKONG	tiada	PW 603
		15		MUKIM KUBANG ROTAN	tiada	PW 603
		16		MUKIM LANGGAR	tiada	PW 603
		17		MUKIM LENGKUAS	tiada	PW 603
		18		MUKIM LEPAI	tiada	PW 603
		20		MUKIM LIMBONG	tiada	PW 603
		22		MUKIM PADANG HANG	tiada	PW 603
		23		MUKIM PADANG LALANG	tiada	PW 603
		24		MUKIM PENGKALAN KUNDOR	tiada	PW 603
		26		MUKIM SALA KECHIK	tiada	PW 603
		27		MUKIM SUNGAI BAHARU	tiada	PW 603
		28		MUKIM TAJAR	tiada	PW 603
		29		MUKIM TEBENGAU	tiada	PW 603
		30		MUKIM TELAGA MAS	tiada	PW 603
		33		MUKIM TITI GAJAH	tiada	PW 603
		40		*BANDAR ALOR SETAR	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2583 (27.02.2005)
		41		*BANDAR ANAK BUKIT	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2585 (27.02.2005)
		43		BANDAR KUALA KEDAH	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2586 (27.02.2005)

NEGERI KEDAH
01 - Daerah Kota Setar

KOD	DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
					WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
01	KOTA SETAR	47		*BANDAR ALOR MERAH	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2584 (27.02.2005)
		48		BANDAR BUKIT PINANG	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2589 (27.02.2005)
		49		*BANDAR LANGGAR	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2588 (27.02.2005)
		50		BANDAR SIMPANG EMPAT	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2587 (27.02.2005)
		70		*PEKAN ALOR JANGGUS	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2592 (27.02.2005)
		72		*PEKAN KOTA SARANG SEMUT	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2590 (27.02.2005)
		75		*PEKAN GUNUNG	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2591 (27.02.2005)

* Sila Rujuk Peta Bandar Alor Setar,Bandar Anak Bukit , Bandar Alor Merah , Bandar Langgar, Pekan Alor Janggus dan Pekan Kota Sarang Semut

NEGERI KEDAH
Peta Daerah Kota Setar



NEGERI KEDAH
Bandar Alor Setar

DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
KOTA SETAR	40		BANDAR ALOR SETAR	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2583 (27.02.2005)
		001	SEKSYEN 1		
		002	SEKSYEN 2		
		003	SEKSYEN 3		
		004	SEKSYEN 4		
		005	SEKSYEN 5		
		009	SEKSYEN 9		
		010	SEKSYEN 10		
		011	SEKSYEN 11		
		014	SEKSYEN 14		
		015	SEKSYEN 15		
		016	SEKSYEN 16		
		017	SEKSYEN 17		
		018	SEKSYEN 18		
		019	SEKSYEN 19		
		020	SEKSYEN 20		
		021	SEKSYEN 21		
		022	SEKSYEN 22		
		023	SEKSYEN 23		
		024	SEKSYEN 24		
		025	SEKSYEN 25		
		026	SEKSYEN 26		
		027	SEKSYEN 27		
		028	SEKSYEN 28		
		030	SEKSYEN 30		
		031	SEKSYEN 31		

NEGERI KEDAH
Bandar Alor Setar

DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
KOTA SETAR		033	SEKSYEN 33		
		034	SEKSYEN 34		
		035	SEKSYEN 35		
		036	SEKSYEN 36		
		037	SEKSYEN 37		
		038	SEKSYEN 38		
		039	SEKSYEN 39		
		040	SEKSYEN 40		
		041	SEKSYEN 41		
		042	SEKSYEN 42		
		043	SEKSYEN 43		
		044	SEKSYEN 44		
		045	SEKSYEN 45		
		046	SEKSYEN 46		
		047	SEKSYEN 47		
		048	SEKSYEN 48		
		049	SEKSYEN 49		
		050	SEKSYEN 50		
		051	SEKSYEN 51		
		052	SEKSYEN 52		
		053	SEKSYEN 53		
		054	SEKSYEN 54		
		055	SEKSYEN 55		

NEGERI KEDAH
Peta Bandar Alor Setar

NEGERI KEDAH
Bandar Anak Bukit



DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
KOTA SETAR	41		BANDAR ANAK BUKIT	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2585 (27.02.2005)
		001	SEKSYEN 1		
		002	SEKSYEN 2		

NEGERI KEDAH
Bandar Alor Merah

DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
KOTA SETAR	47		BANDAR ALOR MERAH	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2584 (27.02.2005)
		001	SEKSYEN 1		
		002	SEKSYEN 2		

NEGERI KEDAH
Bandar Langgar

DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
KOTA SETAR	49		BANDAR LANGGAR	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2588 (27.02.2005)
		001	SEKSYEN 1		
		002	SEKSYEN 2		

NEGERI KEDAH
Pekan Alor Janggus



DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
KOTA SETAR PW 603	70		PEKAN ALOR JANGGUS	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2592 (27.02.2005)
		001	SEKSYEN 1		
		002	SEKSYEN 2		

NEGERI KEDAH
Pekan Kota Sarang Semut

DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
				WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
KOTA SETAR PW 603	72		PEKAN KOTA SARANG SEMUT	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2590 (27.02.2005)
		001	SEKSYEN 1		
		002	SEKSYEN 2		
		003	SEKSYEN 3		
		004	SEKSYEN 4		
		005	SEKSYEN 5		
		006	SEKSYEN 6		

NEGERI KEDAH
02 - Daerah Kubang Pasu

KOD	DAERAH	KOD		NAMA	WARTA	
					WARTA KERAJAAN	PELAN WARTA (PW)
02	**KUBANG PASU** **PW 311** *Semua Sempadan Mukim diwartakan di bawah ;* *G.N.1956 (03.05.1956) yang membahagikan negeri Kedah kepada mukim-mukim seperti yang ditunjukkan di dalam peta Kedah dan Perlis 1948*	01		MUKIM AH	tiada	PW 311
		02		MUKIM BINJAL	tiada	PW 311
		03		MUKIM BUKIT TINGGI	tiada	PW 311
		04		MUKIM GELONG	tiada	PW 311
		05		MUKIM HUSBA	tiada	PW 311
		06		MUKIM JERAM	tiada	PW 311
		07		MUKIM JERLUN	tiada	PW 311
		08		MUKIM JITRA	tiada	PW 311
		09		MUKIM KEPELU	tiada	PW 311
		10		MUKIM KUBANG PASU	tiada	PW 311
		11		MUKIM MALAU	tiada	PW 311
		12		MUKIM NAGA	tiada	PW 311
		13		MUKIM PADANG PERAHU	tiada	PW 311
		14		MUKIM PELUBANG	tiada	PW 311
		15		MUKIM PERING	tiada	PW 311
		16		MUKIM PUTAT	tiada	PW 311
		17		MUKIM SANGLANG	tiada	PW 311
		18		MUKIM SUNGAI LAKA	tiada	PW 311
		19		MUKIM TEMIN	tiada	PW 311
		20		MUKIM TUNJANG	tiada	PW 311
		21		MUKIM WANG TEPUS	tiada	PW 311
		40		BANDAR CHANGLUN	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2622 (27.02.2005)
		41		*BANDAR JITRA	WKN 26/47 (10) (16.12.2004)	PW 2620 (27.02.2005)
